


Persada

Peneraju Masa Depan Gemilang



Edisi Konvo Bil. 7 2008 | ISSN : 1675 - 2651



Tahniah

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid
Naib Canselor yang ke-4
dan
Graduan-graduan UNIMAS 2008



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, setahun telah berlalu dan kini majlis bagi merayakan kejayaan graduan kembali lagi. Rasa debaran dan kegembiraan bakal graduan sememangnya sukar untuk digambarkan.

Saat dianugerahkan sebagai graduan bukan sahaja nostalgia indah di kalangan pelajar, malahan ianya lebih bermakna di sanubari para ibubapa. Jelas sekali, pengorbanan yang dilakukan selama ini telah membuahkan hasil yang tidak ternilai.

Namun begitu, perlu diingatkan kepada bakal graduan bahawa semangat untuk terus belajar dan memperbaiki diri adalah perlu demi menjamin kejayaan yang berterusan di masa hadapan. Tidak mudah berputus asa dan sanggup menerima teguran adalah antara sikap-sikap yang perlu dikekalkan untuk berjaya diluar sana.

Sebagai salah satu pusat gedung ilmu di Malaysia, UNIMAS amat berbangga kerana dapat menghasilkan graduan yang berkualiti dan berketerampilan untuk memacu pembangunan bangsa dan negara. UNIMAS baru-baru ini telah diberi kepercayaan untuk bersama-sama menjayakan projek pembangunan negeri Saawak; sebagai koordinator U-SCORE yang akan melihatkan sumbangan di dalam bidang pendidikan dan penyelidikan bagi menyokong proses perancangan dan pelaksanaan SCORE.

Anak muda harapan bangsa dan negara; sekali lagi, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua graduan Majlis Konvokesyen Ke-12 UNIMAS 2008.

Resni Mona

Penasihat

Prof Dr Khairuddin Ab Hamid
Prof Dr Murtedza Mohamed
Prof Dr Mohd Azib Salleh
Prof Dr Hamsawi Sani

Ketua editor

Resni Mona

Editor

Rabiah Bujang
Zulkarnain Kipli

Penolong Editor

Norinda Suut
Rosmie Tapa
Erwandi Bujang Senawi

Pereka

Haidher Ahmad

Jurufoto

Haimey Abd Razak

Edaran

Muliadi Sunip

Penerbit

Bahagian Penerbitan
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak

Mutiara Kata:

"Kecantikan bukan terletak pada pakaian yang dipakai,
tapi bergantung kepada keelokan akhlak dan budi pekerti"

(Saidina Ali bin Abi Talib)

"Adab dan sopan itu lebih penting daripada makan dan minum"

(Aristotle)

"Kalau kamu mendapat kesusahan, ingatlah untuk menyimpan kesabaran"

(Horatius)

"Only a life lived for others is a life worthwhile"

(Albert Einstein)

Sejarah Kelahiran UNIMAS



Benh yang akhirnya akan berkembang menjadi sebuah universiti yang berdiri segak pada hari ini mula ditanam pada Oktober 1992. Ini berlaku bila Menteri Pendidikan pada waktu itu, Tan Sri Datuk Amar Dr Sulaiman Daud mengumumkan perlantikan Dato' Dr Zawawi Ismail sebagai Naib Canselor UNIMAS yang pertama.

Pejabat pertama UNIMAS kemudiannya dibuka di Pusat Bandar Bandar Damansara, Selangor. Di sini universiti ini bercambah dengan lebih-kurang enam kakitangan yang terdiri daripada kakitangan pentadbir dan akademik yang datang daripada pelbagai latarbelakang dan organisasi.

Tidak lama selepas itu, sebuah banglo lama, Rumah Setia, di Jalan Reservoir, Kuching, Sarawak, telah dijadikan pejabat pentadbiran UNIMAS. Bermula di sini, perancangan seterusnya dibuat untuk mengambil dan melatih ahli-ahli fakulti, merancang kurikulum, dan juga merancang penubuhan struktur-struktur fizikal untuk menampung pelajar dan kakitangan yang akan datang.

Kampus sementara telah dibina dengan pantas untuk pengambilan pelajar-pelajar yang pertama bagi sesi 1993/1994. Hanya empat bulan daripada tarikh pembinaan, kampus sementara tersebut telah siap dibina dan masih berdiri megah pada hari ini dan kini dikenali sebagai Kampus Timur, UNIMAS.

Bersempena dengan sambutan ulang-tahun Hari Kebangsaan yang ke-36, Kampus Timur ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu, iaitu Tun Dr Mahathir Muhamad. Ini diikuti dengan pelancaran logo UNIMAS yang menandakan percambahan sebuah institusi pendidikan yang baru yang akan bersama-sama memacu pembangunan bangsa dan negara.

Lebih-kurang 6 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1999, kerja-kerja pembersihan tapak bagi pembangunan kampus tetap bermula bersebelahan kampus Timur dikawasan seluas 1040 hektar dan seterusnya kerja-kerja pembinaan telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Sarawak, Pehin Seri Haji Abdul Taib Mahmud pada 13 Mei 2002. Projek pembinaan ini melibatkan 2 fasa iaitu Fasa 1 dan 2.

Empat (4) tahun kemudian, fasa pertama Kampus Barat (juga dikenali sebagai Kampus Barat UNIMAS) mula menerima penghuninya pada awal tahun 2006 dengan dimulakan oleh perpustakaan (Pusat Khidmat Maklumat Akademik), fakulti-fakulti, institut-institut, pusat-pusat dan bahagian-bahagian yang lain. Perasmian kampus ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi. Dan kini UNIMAS sedang memasuki Fasa Ke-2 pembinaan Kampus Barat.



Temuramah bersama Prof Dr Khairuddin Ab Hamid

UNIMAS telah menerima seorang laksamana baru dalam pengemudiannya di arus pengajian tinggi. Pada 1 April 2008, Prof Dr Khairuddin Ab Hamid dengan rasminya telah dilantik sebagai Naib Canselor UNIMAS yang ke-4, menggantikan Profesor Datuk Dr Abdul Rashid Abdullah yang telah bersara pada 31 Januari 2008. Wakil PERSADA Khas Konvo telah berkesempatan untuk berbual-bicara bersama Prof Dr Khairuddin dan bertanya serba-sedikit tentang latarbelakang akademik beliau serta mesej dan amanah yang ingin beliau sampaikan terutama sekali kepada para pelajar UNIMAS sekalian.

Prof Dr Khairuddin berasal dari Kampung Felda Kemendor Melaka dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kemendor dan Sekolah Menengah Jasin sehingga Tingkatan 3. Seterusnya melanjutkan pengajian ke Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Kejuruteraan dan Elektrik (dengan Kepujian) pada 1976 hingga 1982, seterusnya dinobatkan sebagai pelajar terbaik.

Beliau mula menceburi bidang pendidikan dengan memegang jawatan sebagai Penolong Pensyarah 'A' di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Beliau seterusnya meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana di University of Hawaii, Amerika Syarikat dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan kembali bertugas ke UTM pada 1985. Pada tahun 1988 hingga 1992, beliau meneruskan pengajian ke peringkat PhD di University of Essex, England. Prof Dr Khairuddin mula berkhidmat di UNIMAS pada Oktober 1993 dan memegang jawatan sebagai Dekan Fakulti Kejuruteraan dan seterusnya Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat pada 1998.

Prof Dr Khairuddin telah dilantik memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) pada tahun 2001. Daripada tahun tersebut sehinggalah lantikan beliau baru-baru ini, beliau telah memegang beberapa portfolio sebagai Timbalan Naib Canselor (TNC) iaitu TNC Hal-Ehwal Pelajar, TNC Penyelidikan dan Inovasi, dan TNC Akademik dan Antarabangsa.



Sebagai ahli kumpulan akademik pertama bersama UNIMAS, Prof Dr Khairuddin sudah semestinya menyimpan banyak pengalaman pahit-manis dalam membawa perjuangan UNIMAS selama 16 tahun penubuhannya. Pada dasarnya, beliau yakin UNIMAS mampu muncul sebagai sebuah institusi pendidikan yang cemerlang di rantau ini.

Dalam tempoh singkat penubuhannya, UNIMAS telah banyak memperkenalkan inovasi dan perubahan dalam proses penyampaian pembelajaran untuk memastikan pelajar-pelajar UNIMAS dibekalkan dengan pendidikan yang mampu memberikan mereka kelebihan bila memasuki alam pekerjaan.

Beliau menekankan bahawa usaha untuk menjana sebuah universiti yang cemerlang adalah suatu usaha yang berterusan. Keinginan untuk kecemerlangan harus wujud secara berterusan dan bukannya disandarkan untuk suatu tempoh tertentu. Beliau menyeru setiap warga UNIMAS supaya menyimpan semangat dan hasrat ke arah kecemerlangan dalam usaha UNIMAS untuk muncul sebagai sebuah universiti yang bertaraf dunia.

Kepada pelajar, beliau berpesan bahawa walaupun universiti mampu menyediakan kemudahan dan sokongan untuk mereka berjaya dalam pendidikan dan pembentukan sahsiah yang cemerlang dengan segala kemudahan yang ada, ia tidak akan tercapai sekiranya pelajar sendiri tidak mahu mengambil peluang tersebut. Di sebalik usaha yang diberikan oleh pihak universiti, pelajar-pelajar sendiri mempunyai tanggungjawab untuk mengambil berat tentang pendidikan mereka. Dalam pada itu, mereka perlu membuka minda untuk membangunkan keperibadian diri.

Sempena konvokesyen UNIMAS yang ke-12 ini, beliau mengingatkan para graduan supaya mengamalkan sikap untuk terus belajar memperbaiki diri dan menimba ilmu untuk membolehkan mereka terus maju dalam kehidupan yang mendatang.

Akhir sekali, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua bakal graduan Konvokesyen UNIMAS 2008.



Spearheading Sarawak's Development

SCORE is a comprehensive regional development of the central region of Sarawak for the next 23 years (2008-2030). It provides framework, roadmap, and strategic thrust to trigger and propel the development and growth in this region.

The growth target includes energy generation and transmission, physical infrastructure, industries (resource base and energy intensive), new rural growth centres, new growth nodes, manpower (education and R&D), and institutional setup (RECODA).

UNIMAS has been given the task to coordinate a consortium of Sarawak base institutions of higher education (public & private) which would complement and participate directly and indirectly in the planning and implementation of SCORE, particularly with respect to the needs for human capital, R&D and extension services.

The seven-institution consortium, U-SCORE, are UNIMAS, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Samarahan Campus, Universiti Putra Malaysia (Bintulu Campus), Curtin University of Technology (Sarawak Campus), Swinburne University of Technology (Sarawak Campus), Kuching Polytechnic and Mukah Polytechnic.

U-SCORE will strive to jointly provide educational capacity building as well R&D supports for SCORE development by way of identifying, developing and offering of academic programmes and courses, including specifically tailored extension programmes, relevant to the human capital need of SCORE development.

It also set a projection of expected short, medium and long-term output of trained human resource by each U-SCORE member institutions; also identifying and pursuing short, medium and long-term R&D activities relevant to the thrust activities in SCORE.

To meet the expected demand of about half a million of workforce for the various SCORE activities by 2030, U-SCORE members will explore into expanding and customising their academic and training programmes towards producing the right match of skills needed by the 10 priority industries identified for SCORE development.

[The 10 Priority Industries are: (1) petroleum-based industries, (2) aluminium industry, (3) other metal-based industries, (4) glass industry, (5) tourism industry, (6) palm oil industry, (7) timber-based industries, (8) livestock industry, (9) fishing and aquaculture industries, (10) marine engineering industries]

The customisation of study programmes would include among others incorporation of new course modules and introduction of brand new programmes to cater for the need of SCORE priority industries. In view of the expected exponential increase of demand for graduates, the U-SCORE member institutions would be making the necessary arrangement for physical expansion to allow for increase in student enrolment.

One of the most exciting prospects appreciated by the U-SCORE institutions is the opportunity to closely collaborate in SCORE-related R&D activities. For this purpose, U-SCORE will from time to time identify and pursue short, medium and long-term R&D projects deemed relevant to the thrust development of SCORE. The inter-institutional collaboration will also include joint application of R&D grants and possible sharing of R&D resources among U-SCORE members as well as with other stakeholders.

Given the availability of a wide range of expertise among the U-SCORE member institutions, a database of experts would also be made available for possible consultancy services needed by agencies and sectors operating in SCORE. This and other relevant databases would be deposited in a dedicated website or portal for on-line access by all interested parties.

U-SCORE activities and achievements will be periodically reported to the Department of Higher Education and the Regional Corridor Development Authority (RECODA).



Tahukah Anda?

Sejarah upacara konvokesyen dikatakan bermula di universiti-universiti di Eropah pada kurun yang ke-12. Pada awal pembentukan universiti-universiti ini, proses pembelajaran dilakukan di gereja-gereja berdekatan. Oleh itu, sesetengah ahli sejarah Eropah percaya bahawa pemakaian jubah bermula apabila pengajar-pengajar, yang kebanyakannya ahli-ahli agama, memakai jubah panjang dan penutup kepala untuk menahan daripada kesejukan. Ada juga yang percaya bahawa amalan pemakaian jubah di Eropah ini adalah ikutan daripada pemakaian jubah akademik di madrasah-madrasah di Timur Tengah.

Managing the Country's Waste

In an effort to develop expertise in waste management and treatment, and to generate new knowledge, technologies and approaches for a sustainable management of solid wastes, a memorandum of understanding (MoU) was forged between UNIMAS and Sarawak Wastes Management (SWM) Sdn Bhd/Trienekens Sdn Bhd. Signed on 30 April 2008, the MoU will path the way for a joint research projects involving waste studies in major towns of Sarawak.

Graced and witnessed by the State Minister of Environment and Public Health, Datuk Micheal Manyin Anak Jawong, presenting UNIMAS at the ceremony was the Vice Chancellor, Professor Dr Khairuddin Ab Hamid; while the other parties was presented by SWM Director and Trienekens Managing Director, Gerhard Aulbert.

The aim of the research collaboration is to establish a long - term platform for research between the organisations. Two initial research projects had been identified and according to UNIMAS Director of Research Innovation and Management Centre, Associate Professor Dr Awangku Abdul Rahman Pengiran Hj Yusof, that entails the development of methodology and database, data analysis and report preparations.

A reminder to us all.....

Current scenario grappling a city in Europe. Having exhausted its landfills, the authority is forced to leave immense piles of rotting household waste and overflowed waste bins on the streets. That has led to riots and residents, in their desperation, have begun burning rubbish on the streets.




Meneroka Teknologi Baru

UNIMAS, sekali lagi, bersama MIMOS Berhad telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) untuk penyelidikan Semantic Drive Augmented Vision Technology pada 4 April 2008 bertempat di Taman Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Melalui perjanjian tersebut, kedua-dua pihak berharap ia mampu membantu dan meningkatkan lagi kualiti dan perkembangan penyelidikan di UNIMAS. Di samping itu, perjanjian itu juga diyakini berupaya mewujudkan satu kepercayaan antara UNIMAS dan MIMOS Berhad bagi membangunkan R&D di UNIMAS, iaitu dalam bidang Semantic Visualisation Technology dengan fokus kepada Augmented Reality Technology.

Melalui persefahaman tersebut, UNIMAS bakal menerima sebahagian daripada 55 peratus keuntungan yang diperolehi selepas projek tersebut dikomersialkan. Dalam pada itu, dengan adanya penubuhan sebuah Pusat Kecemerlangan Teknologi Semantik yang termasuk dalam perjanjian persefahaman ini, MIMOS Berhad akan membiayai hal-hal yang berkaitan dengan penyelidikan tersebut (kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada RM800, 000) dan juga menyediakan latihan-latihan yang berkaitan

(Sumber: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber Manusia)



Menemani Pelajar UNIMAS



Meneroka Alam Pekerjaan

Ekspo Kerjaya UNIMAS 2008 telah berlangsung selama dua hari dari 2 hingga 3 April 2008 bertempat di Aras G, Bangunan BHEP, Kampus Barat UNIMAS. Ekspo yang dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang telah memberi peluang kepada pengunjung untuk melawat gerai-gerai pameran dan juga mengikuti ceramah-ceramah kerjaya serta membuat pendaftaran pra-pekerjaan.

Ekspo Kerjaya UNIMAS 2008 telah menarik penyertaan 40 agensi yang terdiri daripada sektor awam dan swasta telah mengambil bahagian. Buat julung kalinya, Ekspo Kerjaya kali ini melibatkan kerjasama pelajar Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) dan juga Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS.

Majlis Ekspo Kerjaya 2008 telah dirasmikan oleh Naib Canselor UNIMAS, Professor Dr Khairuddin Ab Hamid. Menurut beliau, UNIMAS telah diberi mandat oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selaku koordinator mewakili Institut Pengajian Tinggi di negeri ini dalam usaha membantu kejayaan pelaksanaan program pembangunan Sarawak Corridor of Renewal Energy (SCORE).

Dalam pada itu, Pengerusi Ekspo Kerjaya 2008, Dr Othman Bojo berkata pihak UNIMAS memang menggalakkan penglibatan para pelajar di dalam penganjuran program universiti. Ini akan memberi peluang kepada para siswa dan siswi mempraktik dan mengasah bakat kepimpinan serta kemahiran insaniah sebagai persediaan untuk menyertai dunia pekerjaan selepas bergraduasi.



In Praise of Excellence

Three students of Plant Resources Science and Management Programme, Faculty of Resource Science and Technology, UNIMAS received an award each from Sarawak Timber Association for their excellence in academic performance. The award goes to Chai Kwan Lin for the Best Academic Performance; he has been in the Dean's List for six consecutive semesters during his three-year degree course at UNIMAS.

The award for Best Final Year Project Paper 2007 was shared between Farawahida Abu Zahrin and Kho Swee Ling. Farawahida's project paper is entitled "Physical and Mechanical Properties of Acacia Hybrid and Superbulk Planted in Sarawak", while Kho's project paper is entitled "Vegetative Propagation of Isau (*Dimorcarpus longan* var *malesianus*) by Conventional Method and In Vitro Technique".

Malam Penghargaan Mantan Naib Canselor



Majlis makan malam, sempena persaraan Prof. Datuk Dr Abdul Rashid Abdullah daripada jawatan Naib Canselor, telah diadakan pada 4 April 2008, bertempat di Merdeka Palace, Kuching. Malam yang dihadiri oleh pelbagai peringkat pihak bertanggungjawab di UNIMAS telah diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian sebagai tanda penghargaan kepada mantan Naib Canselor yang telah berkhidmat sejak 1 Februari 2005 sehingga 31 Januari 2008.



Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Pada 27 Jun 2008 yang lepas, satu majlis bagi meraikan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) UNIMAS bagi tahun penilaian 2007 telah dilangsungkan oleh Pejabat Pendaftar, bertempat di Balai Merdeka, Hotel Merdeka Palace, Kuching.

Acara kemuncak Malam Pehhargaan UNIMAS pada malam itu dimulai dengan penyampaian sijil Perkhidmatan Cemerlang beserta cek saguhati kepada penerima-penerima APC. Ini disusuli dengan persembahan nyanyian dan muzik serta jamuan makan malam. Majlis dimeriahkan lagi dengan acara cabutan tiket bertuah, khas untuk penerima-penerima APC. Hadiah-hadiah cabutan tiket bertuah disumbangkan oleh pihak Hotel Merdeka Palace, syarikat-syarikat swasta dan hasil sumbangan dari Pejabat Pendaftar sendiri.



Tahukah Anda?

Topi konvokesyen yang lazim dilihat berbentuk segi-empat, kecuali untuk pemegang Ijazah Kedoktoran. Topi segiempat yang keras ini dipercayai dibentuk pada kurun ke-16. Kenapa segiempat? Mula dipopularkan di Oxford University pada kurun ke-16, ianya dipanggil 'biretta' dengan penampilan seperti "mortar board" (meja segi-empat untuk kerja-kerja pertukangan). Oleh kerana itu, ramai yang berpendapat bahawa topi itu sebenarnya untuk menggambarkan meja pertukangan seorang guru pertukangan yang mahir. Ada juga yang percaya, ianya mewakili bentuk kampus Oxford University yang bersegi-empat. Tidak kurang juga, ada yang berpendapat bahawa bentuk yang dipilih adalah jelas; ianya mewakili bentuk sebuah buku

Serve Nature/Seek Evidence



Wetland Conservation

The Ramsar Convention is an international treaty for the conservation and sustainable utilisation of wetlands: to stem the progressive encroachment on and loss of wetlands now and in the future, recognising the fundamental ecological functions of wetlands and their economic, cultural, scientific, and recreational value.

The Ramsar list of wetlands of international importance is known as the Ramsar Site. Sarawak's first and Malaysia's fifth Ramsar Site is the 6600 ha Kuching Wetland National Park located about 20 km northwest of Kuching. Designated as a Ramsar Site in November 2005, it was originally established in 1924 as Sarawak Mangrove Forest Reserve with an area of 17 153 ha. Over the years it has undergone several excisions to make way for agricultural, residential and industrial development.

Current activities in and around the park that may have an impact of the parks' resources include quarrying, construction of flood mitigation channel, agriculture and aquaculture development projects, mangrove harvesting, fishing and ecotourism. Very little research has been carried out in the park so not much is known about its ecology or the sustainability of the park's resources in the face of constant threat from land development and resource exploitation.

In view of this the Government of Sarawak recently commissioned the Centre for Technology Transfer and Consultancy UNIMAS to conduct a multidisciplinary assessment of the park. The objective is to gather pertinent data and information on the physical, biological and socio-economic environment of the park and use it to formulate a management plan for the conservation and wise use of the park's resources. The study will be conducted over a period of 12 months and a budget of RM490, 092 has been approved.

Evidences Lead to Better Services

Nurses practicing in a culture other than their own need the best evidences available to practice. This is to ensure that what they deliver to their client is not only effective and of high quality, but also culturally congruent to them.

Realising this needs, the 1st Biennial International Evidence-Based Nursing Conference at Crown Plaza Riverside Hotel was held on 27 to 28 June 2008. Jointly organised by Department of Nursing, Faculty of Medicine and Health Science (UNIMAS) and School of Nursing and Midwifery (University of South Australia), the conference was officially launched by Sarawak Chief Minister, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

In his speech, the Chief Minister called for more research to be conducted on nursing in Malaysia, particularly in Sarawak where the language and culture of the people is so steep and diverse. He also urged local and overseas nurse scientists, academicians, and practitioners to use the conference as a platform for establishing research networking and collaboration to enhance the knowledge and evidence for practicing nursing.

With internationally known speakers and clinical experts, the conference was the cutting edge of information on how health care providers could use evidences to change their practice in order to achieve optimal patient outcomes. Included in the two-day programme were Free Paper Sessions, Poster Presentation, and Trade Exhibition.



Tahniah dan Selamat datang kepada pelajar baru UNIMAS

Suasana Baru

Sebagai pelajar baru saudara/i akan menjalani kehidupan baru di Universiti yang melibatkan perubahan kepada suasana rangkaian sosial serta peralihan suasana seperti meninggalkan keluarga, berpindah dari rumah ke kolej kediaman pelajar dan membuat kawan baru dan sistem pembelajaran yang mencabar. Oleh itu, pendedahan kepada kehidupan di Universiti merupakan sesuatu yang penting dalam menyemai persefahaman, toleransi dan semangat kerjasama pelbagai kaum dan agama sebagai model untuk menghadapi kehidupan sebenar dalam kehidupan bermasyarakat.



Tanggungjawab

Lebih utama daripada itu, saudara/i perlu sedar tanggungjawab serta peranan utama sebagai mahasiswa dalam memastikan pencapaian akademik adalah berada di tahap yang baik dan cemerlang di samping aktif dengan kegiatan ko kurikulum yang disajikan di Universiti. Kebijaksanaan mengurus dan merancang aktiviti pembelajaran dan aktiviti senggang, sudah pasti akan menghasilkan keseimbangan dalam individu pelajar dan melahirkan mahasiswa yang ideal dan berautonomi.

Harapan

Realitinya saudara/i adalah merupakan kumpulan generasi utama yang akan menggerak jentera pembangunan negara dan masyarakat serta menentukan hala tuju dan kualiti bangsa di masa hadapan. Oleh itu rebutlah peluang belajar di UNIMAS sebaik mungkin bagi menyiapkan diri jadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab, membentuk sikap kepimpinan dan memanfaatkan pengetahuan yang diperolehi bagi pembangunan negara secara berterusan.

Amanat dari: Bahagian Pengajian Pra-Siswazah.

Tahukah Anda?

Sijil-sijil yang disampaikan oleh universiti-universiti yang terawal di Eropah di buat daripada kulit kambing. Sijil-sijil ini dibuat daripada kulit kambing yang dinipiskan, ditulis dengan tangan, digulung dan diikat dengan reben. Ini adalah kerana walaupun pembuatan kertas sudah berlaku, penghasilannya adalah lebih mahal. Penggunaan kulit kambing ini berterusan sehinggalah lebih-kurang 100 tahun dahulu bila teknik pembuatan kertas adalah lebih baik.

Majlis Ikrar Pelajar 2008/2009

"Gunakanlah peluang keemasan ini dengan sebaik-baiknya untuk menimba ilmu sebanyak yang mungkin kerana dengan ilmu sahaja kita mampu berfikir, bertindak dan menghasilkan sesuatu yang bermanfaat sebagai persediaan diri untuk menghadapi cabaran dan perubahan masa kini dan persaingan di masa hadapan".

Itulah kata-kata hikmah yang telah dipetik dari Naib Canselor UNIMAS, YBhg Prof Dr Khairuddin Ab Hamid dalam ucapan beliau semasa majlis ikrar pelajar sesi akademik 2008/2009 yang telah diadakan pada 3 Julai 2008, bertempat di Dataran Canselori, Kampus Barat UNIMAS.



Malam Rumpun Budaya

Malam Rumpun Budaya Sempena Minggu Aluan pelajar 2008 sesi akademik 2008/2009 telah diadakan pada 4 Julai 2008 di Dataran Canselori, Kampus Barat, UNIMAS. Malam rumpun budaya yang bertemakan "Perpaduan, Tuanjie, Otrumpai, Berserakup dan Misumpuru" melambangkan perpaduan dalam lima bahasa yang mewakili etnik-etnik yang terdapat di Malaysia. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Datin Hajah Fadilah Binti Abdullah, YBhg Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, YBhg Prof. Dr Khairuddin Ab Hamid, Naib Canselor, UNIMAS, Timbalan Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan, Pengarah serta Pegawai-Pegawai UNIMAS. Pada malam tersebut, berbagai-bagai persembahan kebudayaan telah dipersembahkan oleh Badan Budaya UNIMAS (BAYU). Turut diadakan juga pertandingan persembahan tarian tradisional dan kreatif oleh pelajar-pelajar baru yang mewakili kolej masing-masing.



Memperkasakan Perpustakaan

Tidak lengkap sesebuah Institusi Pengajian Tinggi tanpa Perpustakaan atau Pusat Maklumat yang merupakan wadah ilmu dalam menyalurkan maklumat bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

Masa kini, institusi perpustakaan berdepan dengan perkembangan teknologi yang begitu pesat. Bagi menyahut cabaran ini, Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) UNIMAS telah melengkapkan diri dengan kemudahan ICT seperti sistem perpustakaan bersepadu Millennium serta Sistem Pengurusan Pengaliran Bahan bagi mewujudkan prasarana pembelajaran yang kondusif.

Selain itu, pembangunan sumber ilmu berteraskan elektronik terus diperluaskan kepada e-journals, e-books dan pangkalan data atas talian. Pusat juga sedang membangunkan Perpustakaan Digital UNIMAS yang bertujuan untuk membolehkan pengguna mencapai maklumat dengan mudah, cepat dan secara berkesan; dan juga menubuhkan Arkib UNIMAS juga sebagai satu usaha untuk mengumpul serta mengelola dokumen-dokumen penting Universiti.

Dengan perkembangan teknologi dan limpahan sumber-sumber elektronik, pustakawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta mahir dan cekap menguruskan sumber-sumber untuk memastikan capaian kepada bahan-bahan tersebut adalah pada tahap optimum. Semestinya ada nilai tambah pada setiap perkhidmatan yang disediakan.

Tidak memadai dengan hanya menyediakan kemudahan dan perkhidmatan, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan kepenggunaan perpustakaan di kalangan warganya, seiring dengan visi PKMA untuk menjadi pusat maklumat sehenti yang efisien dan berkesan. Untuk mencapai objektif ini, penambahbaikan dan pemantapan kepada penstrukturan pengurusan di PKMA telah dilakukan.



Pelan strategik bagi tempoh 2008-2010 juga telah disediakan bagi memantapkan lagi pengurusan serta sistem penyampaian di Pusat. Sehubungan itu juga, PKMA terus meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di kalangan staf melalui pelbagai kursus dan latihan seperti Bengkel Pengurusan Kaunter Berkualiti yang diadakan pada 26 Mei 2008, Kursus Bahasa Inggeris pada 23-24 Jun 2008, dan Bengkel Metadata Dublin Core pada 3-4 Julai 2008. PKMA juga telah menyediakan Piagam Pelanggan bagi meningkatkan integriti dan akauntabiliti Pusat.

Melalui Persidangan Ketua-Ketua Pustakawan Universiti dan Negara (PERPUN), PKMA juga bekerjasama dengan semua perpustakaan IPTA lain untuk melihat kepada isu-isu mengenai kompetensi staf, Petunjuk Prestasi Utama, perkongsian maklumat, standard perpustakaan, penganjuran seminar, kursus, serta pelan tindakan bagi memperkasakan institusi perpustakaan. Beberapa projek bersama telah dilaksanakan seperti pembangunan pangkalan data-pangkalan data Tesis Atas Talian dan Repositori Universiti Atas Talian.

PKMA akan terus menjalinkan kerjasama strategik dengan persatuan/organisasi luar seperti Persatuan Pustakawan Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak dan k@Borneo (kerjasama serantau perpustakaan/organisasi dalam kepulauan Borneo yang melibatkan Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan). Selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, PERPUN sedang merangka Pelan Strategik Perpustakaan bagi memperkasakan perpustakaan.

Pelbagai aktiviti dan program telah dirangka dan dilaksanakan bagi menjayakan tujuan tersebut. PKMA telah melantik pustakawan penghubung bagi setiap fakulti untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian maklumat kepada pengguna, dan disamping itu, program tahunan seperti PKMA bersama Fakulti, PKMA bersama pelanggan, Kempen Bulan Membaca dan Pameran terus dijalankan.

Margaret Simeng/Valentino Abu Bakar

*Siapa Pensyarah itu....
Sesekali terlintas
Di akal ini
Bila kaki melangkah
Di tempat keramat ini
menara gading*

*Siapa penerajunya
Manusia di gelar Pensyarah
Dialah ibu dialah ayah
Sehingga aku tamat kuliah*

*Apakah cukup sekadar panggilan
Untuk pensyarah itu
Prof, Dr, Encik, Puan, Cik, Tn Haji
Ustaz, Ustazah, Madam, Sir
Mereka juga guruku
Sama sahaja dengan guruku yang lain
Dari tabika hingga menengah
Tak lekang dari bibirku
Panggilan "cikgu"
Hingga akhir hayat mereka tetap cikgu
Ada lagu, ada hari untuk di ingati*

*Tapi pensyarah itu,
Juga guruku
Sentiasa di hati,
Hakikat hidupnya sama
Mendidik dan mengajar
Menyelidik ilmu baru
Meneroka tanpa jemu
Agar anak bangsa terus maju
Biar apapun,
Biar siapapun,
Dia tetap guru di menara gading itu.
Terima kasih pensyarahku.*

*Dedikasi untuk mereka yang bergelar
Pensyarah
Valentino Abu Bakar,
Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
10.7.08*

Connecting the Rural Community

It all began with a desire to get the rural community connected. Bario is a remote highland (3300 ft above sea level), inaccessible by roads and was without telecommunication services. It is accessible only by air travel; unless you could take a 2-day journey through winding river and weeks of hiking through thick jungle and up the mountains.

In all, Bario fits the definition of digital divide and digital poverty. And that makes it an excellent candidate to stretch the extent to which contemporary ICT could deliver sustainable social and economic development to remote rural communities: to get the people of Bario connected through ICT, help them reap its benefit, and find ways to maintain that connections. And that is exactly what UNIMAS team did.

It turned out to be an award winning projects, winning both national and international recognition. Following the success of e-Bario, the Centre of Excellence for Rural Informatics (COERI) was established in January 2007. The vision is to be an internationally-acknowledged centre of excellence for research and development in rural informatics. Its mission is to generate, apply and disseminate knowledge, integrating technology through a holistic and multidisciplinary approach to empower rural communities in a wider social and economic context.

One of the key objectives of COERI is to promote a holistic, people-centred and community-based approach to rural informatics programmes. The success of eBario has demonstrated that among the key elements of success are the involvement of the local community and the use of technology that meet their needs.

COERI secured a RM4 million Demonstrator's Application Grant Scheme (DAGS) in 2007 to replicate the project in five other sites in Malaysia using the e-Bario model. These five sites include two in Sarawak, one in Sabah, and two in West Malaysia. COERI is headed by Prof. Dr. Khairuddin Ab Hamid (Director) and its research collaborators include both national and international agencies (including US and Europe).

For further read on COERI, its mission and vision, the people in it, etc., please log on to

<http://coeri.unimas.my/>
<http://www.unimas.my/ebario>,
<http://www.ebario.com>



Prof Yuji Asou, a neurosurgeon specialist is currently a research fellow at COERI. Since 2000, he has been involved in the implementation of the telemedicine system in Sarawak under the funding of the Japanese Government. He hopes to contribute to e-Bario project through this experience.

The telemedicine system would allow image information of a patient to be transmitted to a medical expert, allowing quicker and a more precise diagnosis be made compared to information exchanged by conversation on the telephone line. It enables selection of patients who need urgent transfer to the city Hospitals, leading to faster and better treatment for emergency patients, and a decrease in medical cost.

Prof Yuji Asou graduated from the School of Medicine of Kyorin University (Tokyo, Japan) in 1982. He has been involved in various academic and research activities as well as clinical activities in the field of Neurosurgery.

Some of his major achievements are Intra-cranial Pressure Monitoring and Auditory Brain Stem Resonance for Severe Head Trauma, Cultivation of Brain Tumor and Adjuvant Therapy for Brain Tumor, and Analysis of Stroke using MRI. He is currently a Professor at the Neurosurgery Department, Kyorin University, Japan.

Ruangan Sukan

Kemeriahan Sukan IPTA ke-33

Sukan Antara Universiti-Universiti Malaysia ke-33 telah diadakan dengan jayanya oleh pihak UNIMAS. Perasmian sukan tersebut telah diadakan pada malam 16 Jun 2008 dengan ditemani dentuman meriah bunga api berwarna-warni dan majlis perasmian telah diketuai oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Norden Khaled.

Majlis sukan pada kali ini berjaya menarik penyer-taan daripada 21 IPTA dengan tambahan satu pasukan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi. PERSADA berkesempatan menemuramah Pengerusi Jawatankuasa Induk Sukan Staf IPTA, Pendaftar Prof Dr Hamsawi Sani untuk mengupas pencapaian atlet UNIMAS secara keseluruhan serta sumbangan yang telah diberikan selaku tuan rumah pada temasya sukan kali ini.



Pada temasya sukan kali ini, jumlah IPTA terlibat adalah sebanyak 21 buah dan termasuk satu pasukan dari Kementerian Pengajian Tinggi. Jumlah kesemua atlet adalah seramai tiga ribu orang. UNIMAS amat berbangga kerana selaku tuan rumah kejohanan, segala persediaan termasuk kemudahan tempat tinggal peserta, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan yang lain telah diuruskan dengan lancar. Selain itu, para sukarelawan yang bertugas juga telah menjalankan tugas dengan cekap dan berdedikasi.

Sasaran UNIMAS adalah di dalam acara olahraga terutamanya acara 1300m lelaki. UNIMAS merupakan juara bertahan di dalam acara tersebut. Dari segi persediaan atlet, UNIMAS telah mula membuat persediaan dan membentuk pasukan untuk kejohanan ini sejak dari awal tahun 2008 dan latihan dipertingkatkan pada dua bulan terakhir dengan bimbingan jurulatih yang dilantik.



TNC (P&I) Johan VIP Pertandingan Golf Antara IPTA

Prof Murtedza Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah mengharumkan nama UNIMAS dalam sukan golf apabila beliau berjaya menjadi Juara Kategori Gross Individu VVIP pada Kejohanan Pertandingan Golf Antara Universiti di Kelab Golf Templer dan Kelab Golf Peransang, Selangor pada 12-13 Julai 2008. Pertandingan tersebut disertai oleh 20 buah IPTA, termasuk Jabatan Pengajian Tinggi, dan melibatkan 345 orang pemain.



Ruangan Sukan



Pada keseluruhannya, UNIMAS telah menjadi johan keseluruhan dalam acara kayak yang memungut 7 pingat emas, 2 perak dan 3 gangsa. Dalam acara olahraga 2 emas, 3 perak dan 5 gangsa diperolehi. Dalam acara boling, 1 pingat perak acara boling lelaki, 2 pingat perak acara boling wanita. Pasukan UNIMAS menjadi johan berpasukan acara dart dan pingat gangsa bagi acara futsal wanita. Bagaimanapun, di dalam acara lain kebanyakan penyertaan UNIMAS hanya mampu mara hingga ke peringkat kumpulan dan peringkat suku akhir.

Sebahagian acara sukan telah dijalankan didalam kampus UNIMAS, dan acara-acara lain telah dijalankan di beberapa gelanggang dan dewan di sekitar bahagian Kota Samarahan dan bandaraya Kuching dalam mengendalikan acara yang berkaitan.

Sukan Antara Universiti-Universiti Malaysia ke-33 telah melabuhkan tirainya pada 22 Jun 2008 di Dewan UNIMAS Kampus Timur. Majlis penutupan tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsa, Prof Dr Mohd Azib Salleh.

Selaku tuan rumah tahun ini, UNIMAS mengharapkan setiap sumbangan yang dihulurkan sehingga selesai semua acara yang dipertandingkan akan menjadi ingatan pada setiap peserta samada di kalangan atlet ataupun para sukrelawan.



Jumlah Graduan Majlis Konvokesyen 2008



Bil	Peringkat/Fakulti	Jumlah
1.	Graduan Pascasiswazah Doktor Falsafah - 7 orang Sarjana - 120 orang	127
	Graduan Prasiswazah	
1.	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan	251
2.	Fakulti Kejuruteraan	99
3.	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	82
4.	Fakulti Sains dan Teknologi Sumber	266
5.	Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia	351
6.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	75
7.	Fakulti Sains Sosial	148
8.	Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif	198
	JUMLAH KESELURUHAN	1597

Sidang Majlis Konvokesyen

Tarikh	Sidang	Fakulti
11 Ogos 2008	1 (Pagi)	Graduan Pascasiswazah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
12 Ogos 2008	2 (Pagi)	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Fakulti Kejuruteraan
12 Ogos 2008	3 (Petang)	Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
13 Ogos 2008	4 (Pagi)	Fakulti Sains Sosial Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
13 Ogos 2008	5 (Petang)	Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Penerima Anugerah Akademik Konvokesyen 2008



1. Anugerah Pendidikan DiRaja

- 1.1 Bumiputera
Dyg Norafizan Awg Chee
Program Kimia Sumber, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
- 1.2 Bukan Bumiputera
Shalin Lee Wan Fei
Program Kejururawatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

2. Anugerah Canselor

Oscar Dousin
Program Pembangunan Sumber Manusia,
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan

3. Anugerah Pro Canselor

Terence Chan Paul Wang
Program Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan,
Fakulti Kejuruteraan

4. Anugerah Khas Senat

- 4.1 Shirley Voo Siew Nee
Program Sains Komputan,
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- 4.2 Tan Ai Tang
Program Kejuruteraan Sivill, Fakulti Kejuruteraan
- 4.3 Willy Chin Siaw Min,
Program Sains dan Pengurusan Sumber Haiwan
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber

5. Hadiah Zamalah Penyelidikan Naib Canselor

- i. Lau See Hung
Fakulti Kejuruteraan
- ii. Shirley Voo Siew Nee
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- iii. Nur Aida bt. Md Tamrin
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
- iv. Jasmina Binti Majit
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
- v. Nur Khairun Nisa' Binti Mohd Zallehuddin
Fakulti Sains dan Teknologi Sumber

Konvokesyen UNIMAS

Cokmar



Tumpuan cokmar UNIMAS, adalah pada sebetuk permata bertatahkan emas lapan segi meruncing ke atas sebagai lambang tertubuhnya universiti awam yang ke-8 di Malaysia. Ia juga mencerminkan iltizam universiti terhadap keilmuan yang tinggi dan meningkatkan kualiti budaya bangsa. Kalimah "Bismillah" dan surah "al-Alaq" mencerminkan konsep Islam sebagai agama rasmi negara. Ini diikuti lambang 14 negeri di Malaysia dan lambang Kerajaan Persekutuan yang mewakili sebuah negara beraja yang teguh, stabil, dan makmur sebagai penaung kepada UNIMAS.

Permukaan cokmar ini diukir secara halus bermotifkan corak tenunan UNIMAS yang mencerminkan sifat kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keserjanaan.

Permata emas tersebut diapung oleh empat sangga berukiran awan larat yang bersalut emas melambangkan pendidikan untuk keterampilan, beriltizam memupuk budaya pembelajaran, mengaplikasi kepakaran dan memikul tanggungjawab serta bertanggungperi.

Tiga bahagian pergelasan emas yang tersemat kemas dan erat pada cokmar tersebut mewakili fakulti, institut dan pusat yang menawarkan pelbagai bidang pengajaran dan pembelajaran di UNIMAS. Ukiran lima lilitan yang beralun, melambangkan paradigma baru universiti gelombang kelima yang bersifat strategik dan inovatif yang menjamin mutu dan amalan intelek yang maksimum.

Jubah



Jubah Akademik UNIMAS dibuat oleh pengusaha tempatan: biru bagi prasiswazah, merah bagi pascasiswazah. Bahagian hadapan lapel jubah bertenenkan songket. Corak yang terdapat pada lapel songket ialah gabungan beberapa elemen etnik tempatan untuk menghasilkan corak UNIMAS yang unik.

Bunga pecah lapan mencerminkan UNIMAS sebagai universiti awam yang kelapan ditubuhkan di negara ini. Bunga ini menandakan UNIMAS sentiasa subur dan dinamis. Tumbuhnya dari satu rumpun membawa erti bahawa bahagian-bahagian UNIMAS sentiasa bersepadu dan berganding bahu, bekerjasama ke arah mencapai misi korporat UNIMAS.

Bunga pecah lapan itu dipagari di setiap sisinya oleh dua tingkat corak pucuk rebung. Tingkat pertama melambangkan masyarakat dan industri tempatan yang menentukan kerelevanan UNIMAS. Manakala tingkat kedua melambangkan dunia luar antarabangsa yang universiti harus peka dengan segala perkembangannya untuk memastikan UNIMAS sebagai sebuah institusi global yang mementingkan kualiti tinggi dan kecemerlangan.

Gubahan di atas diiringi pula oleh elemen ukiran tempatan yang melambangkan bahawa UNIMAS sebuah universiti berbudaya dan kewujudannya dicorakkan oleh nilai-nilai murni dan ketimuran.

Rangkaian bentuk huruf 'S' di sepanjang kiri kanan lapel menandakan UNIMAS sebuah universiti gelombang baru yang sentiasa luwes sifatnya dan bersedia menangani perubahan yang tidak terduga. Bentuk huruf itu juga, menunjukkan lokasi UNIMAS di negeri Sarawak, sebuah negeri yang dinamis pembangunannya, dan UNIMAS mengambil manfaat daripada kekayaan dan kekuatan lokasi ini.

Taburan tiga warna korporat UNIMAS – biru, kuning emas dan merah pada bunga-bunga pecah lapan, melambangkan kecemerlangan dalam ketiga-tiga urusan teras universiti: pengajaran-pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Karnival sepanjang Ogos 2008 di Sarawak

- Miri International Food Festival.(1-31 Ogos)
- Kuching Festival (1-31 Ogos)
- 4th Asian 14/U Series Australian Open (4-10 Ogos)
- The Colours of Nature-Borneo Highlands Photography Challenge (15-17 Ogos)
- Sebauh Regatta (17-18 Ogos)
- Borneo International Kites Festival (18-24 Ogos)
- Baram Regatta (22-24 Ogos)
- Pesta Pakan (23-25 Ogos)
- Memorial Service (23 Ogos)
- Kanowit Festival (23 Ogos)
- Borneo Highlands Flower Extravaganza 2008 (1-31 Ogos)

Ingin membeli-belah jom.....



The Spring Shopping Complex •

The Boulevard Shopping Complex •

Riverside Shopping Complex •

Hock Lee Centre •

Wisma Hopoh •

The Travillion •

Wisma Seberkas •

Wisma Satok •

UNIMAS Gemilang

Terciptalah Suatu Sejarah
Wujudmu di Persada Negara
Di Bumi Kenyalang Bertuah
Kebanggaan Nusa dan Bangsa

Berinovasi dan Berwawasan
Berilmu Berpandangan Jauh
Inilah Hasrat dan Harapan
Kamilah Pendukung Warisan

Teguh Terunggul Namamu
Unimasku yang Gemilang
Dengan Penuh Keikhlasan
Kami Wargamu di Sini
Berbangga.....

Berbudaya, Bersifat Sezaman
Bersatu Hati Mencurahkan Bakti
Jasamu, Tiada Bandingan
Kau Disanjung dan Dihormati

Wajahmu Takkan Kami Lupakan
Sentiasa Terpahat di Ingatan
Menjadi Lipatan Sejarah
Segar Mekar Dalam Kenangan

Teguh Terunggul Namamu
Unimasku yang Gemilang
Dengan Penuh Keikhlasan
Kami Wargamu di Sini
Berbangga.....

Unimas Gemilang

Lagu & Lirik: Prof Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman